# Kecoh tak dapat tawaran rumah PPR

MyMetro | Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 16 Oktober 2019 @ 8:22 PM



ZURAIDA (kiri) bertemu penduduk yang mendakwa tidak tersenarai bagi mendapat tawaran Skim Perumahan Secara Sewa Beli PPR Kampung Permatang Tok Suboh, Bukit Mertajam, hari ini. FOTO Ramdzan Masiam.

MAJLIS Pelancaran dan Penyerahan Surat Tawaran Skim Perumahan Secara Sewa Beli bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Permatang Tok Suboh, Bukit Mertajam, bertukar kecoh apabila lebih 50 penduduk asal kampung itu berkumpul dan mendakwa ditipu kerajaan negeri.

Kekecohan berlaku apabila penduduk terbabit berkumpul di luar dewan dan melaungkan rasa tidak puas hati sebaik Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin yang hadir sebagai tetamu kenamaan, selesai menyampaikan ucapan.

Zuraida kemudiannya meminta semua penduduk terbabit berkumpul di dalam dewan bagi bertemu dan menyelesaikan isu berbangkit.

Dalam pertemuan hampir setengah jam itu, penduduk mendakwa hak mereka untuk menerima kediaman di PPR Kampung Permatang Suboh diketepikan kerajaan negeri.

Wakil penduduk, Rosli Shukur, 43, berkata penduduk sudah menghantar permohonan kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) untuk memiliki rumah berkenaan sejak enam bulan lalu.

"Kami diminta hantar borang permohonan kepada PERDA. Tetapi apabila mengetahui ramai anak jati tidak dapat rumah PPR di sini, kami terkejut bagaimana perkara ini boleh terjadi.

"Itu menyebabkan kami berasa tidak puas hati kepada kerajaan negeri. Kami rasa ditipu dan dipinggirkan," katanya ketika ditemui, hari ini.

Zuraida yang ditemui selepas pertemuan itu berkata, masalah berpunca apabila penduduk tidak menerima maklumat lengkap berhubung permohonan untuk memiliki kediaman PPR berkenaan.

"Saya difahamkan, hari ini ada 42 nama hadir. Saya minta salinan borang permohonan mereka, tetapi mereka mengatakan sudah serah pada PERDA, sedangkan ia sepatutnya diberikan kepada Pejabat Perumahan Negeri.